

# Biar zaman gemilang niaga Melayu muncul lagi

Oleh AHMAD MD DON

**K**EBANGKITAN semangat berniaga di kalangan orang Melayu setempat semakin ketara memandangkan semakin ramai orang kita yang menceburi berbagai lapangan perniagaan beberapa tahun kebelakangan ini.

Selain daripada mereka yang sudah terlibat atau terdedah pada dunia perniagaan semenjak muda lagi, lain-lain golongan juga menaruh minat terhadap niaga usaha. Mereka termasuk guru-guru dan pekerja makan gaji.

Penglibatan orang Melayu dalam perniagaan kian jelas, tetapi ini tidak bermakna bahawa dunia perniagaan adalah baru bagi mereka. Hakikatnya, perniagaan telah menjadi satu sumber pendapatan bagi orang Melayu Singapura sejak dulu lagi.

Sejarah menunjukkan betapa rancaknya orang Melayu dalam perniagaan.

Menurut Profesor Syed Hussin Alatas, Ketua Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura dalam bukunya *The Myth of The Lazy Native*, orang-orang Melayu bergiat dalam urusan perkapalan bukan saja dalam rantau ini tetapi juga hingga ke Eropah dalam kurun ke-18.

Sejarah juga mencatatkan tentang kapal-kapal layar Bugis memunggah bahan-bahan di muara Sungai Kallang dan sibuknya urusan niaga di sekitar Arab Street dan Bussorah Street sepanjang kurun ke-19.

Dalam lipatan sejarah tersimpan nama-nama seperti Haji Ambo Sooloh, Haji Mahmud Banjar, Haji Osman Kaya dan Haji Yusoff Tali Pinggang.

Mereka mungkin tidak secepat Syed Mohamed Ahmad Alsagoff, Tan Kim Seng atau Tan Kah Kee dan Tan Lark Sye, yang nama-namanya diabadikan sebagai tokoh-tokoh dunia perniagaan, namun mereka turut memberi sumbangan terhadap pembangunan negara.

## Kekayaan

Saudagar-saudagar Melayu itu menjalankan berbagai corak perniagaan. Haji Ambo Sooloh dengan perdagangan bahan-bahan mentah; Haji Mahmud dengan berlian, Haji Osman dengan harta tanah dan rumah sewa dan Haji Yusoff dengan tali pinggang.

Sungguhpun berbeza, namun mereka semua ada persamaannya. Mereka semua terlibat dengan harta tanah. Mereka memiliki berbilang-bidang tanah.

Sebahagian besar daripada kekayaan mereka terletak pada harta tanah. Kebanyakan yang diperolehi dari per-

ORANG Melayu dengan perniagaan bukanlah satu kaitan yang baru lahir. Sejak dulu lagi, orang Melayu telah menceburi dunia perniagaan hingga melahirkan beberapa orang hartawan, yang mengikut taksiran sekarang, menjadi jutawan.

Rencana pertama dari dua bahagian ini, menyerot detik-detik dari zaman gemilang saudagar-saudagar Melayu hingga kemerosotannya selepas Perang Dunia Kedua dan kembali bersemangat untuk berniaga beberapa tahun kebelakangan ini.

## Fokus: Orang2 Melayu Dalam Dunia Perniagaan

Jumlah mereka terlalu kecil sehingga seorang profesor yang menjalankan penyelidikan tentang cara hidup orang-orang Melayu menyatakan bahawa beliau mendapati orang Melayu lebih suka makan gaji daripada berniaga.

Dalam keadaan demikian, timbul semangat di kalangan beberapa orang peniaga untuk membangunkan semula prestasi orang Melayu dalam lapangan perniagaan. Inilah antara faktor yang melahirkan Dewan Perniagaan Melayu Singapura (DPMS) dalam 1977.

Mereka yang berjaya melalui 'zaman remaja' dalam perniagaan kini mengacukan jarangan dari 'usaha gigit mereka. Setengah-setengahnya sudah menjadi peniaga yang 'established'.

Sebahagian besar peniaga kita bergemar secara persendirian. Tidak ramai yang berkongsi berniaga, seperti para peniaga bukan Melayu.

Bagaimanapun, perniagaan kongsi di kalangan peniaga Melayu bukan tidak pernah wujud. Ada beberapa projek dengan modal yang besar, dikongsi oleh peniaga dan mereka yang berminat dalam perniagaan.

Projek-projek pan minyak dan sate goreng dalam ini adalah antara usaha sama yang gagal separuh jalan disebabkan oleh pengurusan yang tidak teratur dan pengurus-pengurus yang kurang pengetahuan dan pengalaman.

Mungkin kerana kegagalan projek-projek tersebut membuat peniaga dan orang Melayu jera untuk berkongsi niaga. Namun begitu, syarikat-syarikat perkongsian tetap hidup di kalangan masyarakat peniaga Melayu sekarang.

## Kumpul harta dgn jual songkok, tali pinggang

**H**AJI Yusoff Haji Mohd Noor mengumpul kekayaannya daripada penjualan tali pinggang dan songkok, sehingga beliau digelar Haji Yusoff 'Tali Pinggang'.

Gelaran tidak rasmi itu diberikan kepada beliau, bukan semata-mata kerana beliau merupakan peniaga pertama di sini yang menjual barang-barang tersebut, tetapi beliau memonopoli perniagaan itu, lama sebelum diambil alih oleh saudagar India.

Bermula dengan membuat dan menjual songkok dan tali pinggang, beliau telah mengembangkan perniaga-



● SALAH sebuah kedai Melayu yang terdapat sekitar 1900.

## Peniaga yang cekap canai intan berlian

**H**AJI Mahmud Abdul Rahim bukanlah seorang yang kaya-raya, tetapi bagi masyarakat Melayu di zamannya, beliau boleh digolongkan sebagai salah seorang yang kaya.

Mungkin dengan harta yang dikumpulkan — sepuluh pintu rumah di Lorong Sakai, Bencoolen Street, lima buah di Rochore (Java Road) dan tiga pintu di Jalan Sultan (termasuk bangunan syarikat Ahmadiah Press sekarang) serta tanah seluas 810 hektar di Batu Pahat — maka beliau disifatkan orang kaya.

Haji Mahmud datang ke Singapura sekitar 1880 sebagai peniaga intan berlian. Beberapa tahun kemudian, beliau menjadi pemborong — membeli dari peniaga kecil-kecilan yang berdagang-ahk antara Singapura dengan Banjar-

masin, memprosesnya dengan jentera pencunai sebelum menjualnya kepada Borneo Company, sebuah firma Inggeris yang terkemuka ketika itu.

Seorang anaknya, Haji

Awang Mahmud, 86 tahun, ketika menceritakan tentang ayahnya, berkata: "Ketika itu, tidak ada orang yang lebih cekap dan halus dalam mencari berlian daripada orang Banjar. Malah orang-orang Inggeris dan Cina bergantung pada mereka untuk menentukan nilai berlian."

Menurut Haji Awang, sebahagian besar adiknya beradiknya (tujuh orang semuanya) tidak ke sekolah semasa hayat orang tuanya "kerana beliau merasakan kekayaan yang ada boleh menampung hidup mereka."

Bagaimanapun, apa yang mungkin tidak terfikir olehnya ialah bagaimana membuat, sekalipun harta yang dimiliki, akan terhabis juga akhirnya, kalau pewaris-pewarisnya tidak tahu cara menambakkannya.

Inilah yang berlaku pada harta peninggalan Haji Mahmud. Sebuah demi sebuah nama yang terdapat terhapus tangan mereka, termasuk tanah yang begitu luas di Batu Pahat.

nya sendiri.

Beliau mula berniaga ketika berusia 22 tahun dari sebuah kedai kecil di 74 North Bridge Road, dan dalam tempoh beberapa tahun perniagaannya meluas bertapak dan berkembang.

## Sewakan

Menurut seorang anaknya, Haji Ismail, bapanya ialah saudagar yang amat cermat dan keuntungannya yang diperolehi tidak dibelanjakan untuk perkara yang bukan-bukan, tetapi diabdikan dengan membeli tanah dan rumah.

Rumah-rumah pertama sebanyak lima pintu telah didirikan di Kandangbar Street, diusuli dengan empat pintu dan sebuah kedai di Joo Chiat, seperti pintu di Kallang.

Segala harta tanah tersebut telah tergedai selepas kematiannya pada 1916 ketika berusia 95 tahun, kecuali dua buah kediaman dan beberapa buah rumah sewa.

Rumah pertama di simpang North Bridge Road dan Jalan Pisang didiami oleh anaknya dari isteri pertama dan rumah kedua Gedung Kuning di 73 Sultan Gate didedik oleh anak-anak dari isteri

semua terlibat dengan harta tanah. Mereka memiliki berbidang-bidang tanah.

Sebahagian besar daripada kekayaan mereka terletak pada harta tanah. Keuntungan yang diperoleh dari perdagangan dibagikan kepada harta tanah. Segitulah harta kekayaan mereka berlipat ganda.

Kejayaan hartawan-hartawan itu menunjukkan bahawa berkat usaha gigih dan amalan jimat-cermat, mereka juga boleh mengecap kekayaan sebagaimana tauke-tauke Cina dan saudagar Arab.

Mereka telah membuktikan bahawa orang Melayu juga boleh dan pandai mempergunakan perniagaan hingga mencapai kejayaan yang gemilang dan menggecap kemewahan.

Sesudah mereka meninggal dunia, mereka meninggalkan timbunan harta tanah di merata daerah. Mereka juga meninggalkan anak-anak yang sebahagian besarnya tidak mempunyai penjabang, khususnya pengetahuan tentang selok-belok perniagaan.

Akibatnya, harta tanah mereka semakin hari semakin susut. Dalam tempoh sedekad dua, sebahagian besar harta tanah mereka bertukar tangan. Tanah, rumah dan kedai yang suatu ketika dulu dimiliki oleh hartawan Melayu sudah terjual daripada mereka.

Sesudah Perang Dunia Kedua, masih terdapat peniaga-peniaga Melayu tetapi bilangan mereka amat sedikit dan corak perniagaan mereka juga terbatas.

Peniaga-peniaga Melayu, dari keturunan Jawa, Arab dan India dan kaum-kaum lain, dipinati menjalankan perniagaan kecil-kecilan seperti menjual sate, menjual kitab, kain polkat, rempah dan menjual kopi di kandi lima.

Mungkin kerana kegagalan projek-projek tersebut membuat peniaga dan orang Melayu jera untuk berkongsi niaga. Namun begitu, syarikat-syarikat perkongsian tetap hidup di kalangan masyarakat peniaga Melayu sekarang.

### Mewarisi

Sama ada secara individu mahupun kongsi, bilangan orang Melayu yang mencemburi dunia perniagaan sudah meningkat. Semangat berniaga mula bersemangat, terutama di kalangan anak-anak muda.

Peniaga-peniaga muda itu yang boleh disifatkan sebagai peniaga 'generasi pertama' berusaha untuk meningkatkan kedudukan ekonominya.

Mereka menanam asas bagi perniagaan, yang belum tahu jaya gagalunya. Kalau berjaya, mereka akan menggecap ganjarannya di hari tua mereka.

Kalau mereka tidak sempat menikmati kemewahan hasil dari titik peluhannya, mungkin anak atau cucu mereka dapat mewarisi perniagaan yang sudah terbuai.

Adalah dijangka semakin ramai orang kita yang mencemburi lapangan perniagaan pada tahun-tahun mendatang.

Mungkin menjelma sekali lagi zaman gemilang perniagaan orang Melayu, seperti hartawan-hartawan yang terkemuka di zaman dulu.

saudagar muda.

Diermula dengan membuat dan menjual barang-barang dan tall piagam, bellen, telah mengembangkannya hingga menjadi peniaga-peniaga dan pengeksport bahan-bahannya, menjadi jadian bellen sebagai pembekal utama.

### Didikan

Kedal dan seterusnya di simpang North Bridge Road dan Jalan Pisang dipenuhi dengan pet-ped yang mengandungi katu baldu yang meanti pembeli setempat dan luar negeri, termasuk Jawa dan Tanah Melayu (kini Semenanjung Malaysia).

Bellau dilahirkan di Kaudahar Street sekitar 1860 dalam keta-arga peniaga.

Bapanya, Haji Mohd Noor bin Haji Ali, yang berasal dari Solo, memulakan perniagaan di Singapura secara bersemitan, semasa dalam perjalanan pulang dari Malak.

Sebagai seorang anak saudagar, Haji Yusoff mendapat didikan dan pengalaman selok-belok berniaga, tetapi perniagaan tali pinggan dan sengkok yang dibawanya adalah atas daya usaha-

sebagai lima pinis telah didikan di Kaudahar Street, disusul dengan empat pinis dan sebuah bangku di Joe Chiat, sepuluh pinis di Kallang. Di samping itu, bellau

dan Jalan Pisang didiani oleh anaknya dari isteri pertama dan rumah kedua Gedung Kaning di 73 Sultan Gate dididuki oleh anak-anak dari isteri kedua.

masin, memprosesnya dengan jentera pencenyal sebelum menjualnya kepada Borneo Company, sebuah firma Inggeris yang terkemuka ketika itu. Seorang anaknya, Haji

pada harta peninggalan Haji Mahard. Sebuah demi sebuah rumah yang diwariskan terjual dan tinggal mereka, termasuk tanah yang berlipat ganda.



LAMBANG kekayaan Haji Yusoff dapat dilihat antaranya daripada tendangan yang dimilikinya.

## Hj. Osman hartawan Melayu yang terkaya?

Haji Osman Kaya, sebagaimana gelaranya dipercayal hartawan Melayu yang paling kaya. Kekayaannya dapat dilihat dengan jelas — mempunyai lebih 100 buah rumah dan rumah kedai di merata Singapura.

Harta tanahnya berselerak di sekitar Arab Street, North Bridge Road, Jalan Besar, Bencoolen Street, Manila Street, Middle Road dan beberapa daerah lain. Kebanyakannya disewakan kepada peniaga-peniaga Cina.

Haji Osman (nama sebenar Haji Abu Naim) memulakan perniagaan runcut setelah tiba di sini dari Banjarmasin, sebuah daerah di Kalimantan, yang terkenal dengan lutan berlian lewat kurun 19.

Seperti kebanyakan peniaga Banjar, bellau memulakan peroleh berlian 'mentah' yang dikaut dari dasar laut sekitar Pontianak dan dicenai sebelum dibawa ke Singapura untuk dijual, kebanyakannya kepada orang Inggeris dan Cina.

Keuntungan yang diperoleh dari penjualan berlian itu disimpan dan sebaik-baik saja mencukupi, bellau membeli lakukan tahun demi tahun sehingga gakan rumahnya terdapat di mana-mana.

Seorang cucunya, Haji Abu Naim (menggantikan nama datuknya), Haji Osman Kaya banyak berurusan dengan saudagar-saudagar Inggeris, walaupun bellau tidak tahu bertutur bahasa asing itu.

Bilangan rumahnya mungkin lebih banyak jika tidak kerana kesihatannya yang terganggu. Bellau meninggal dunia pada 1908 berumur kira-kira 60 tahun di 'Rumah Besar' — tapaknya tidak jauh dari Balai Rakyat Kampong Glam sekarang.

Bellau telah dikebumikan di tanah perkuburan belakang Masjid Malbar di simpang Victoria Street dan Jalan Sultan.

## Ambo Sooloh banyak tabur bakti utk bangsa, negara

Haji Ambo Sooloh adalah seorang hartawan Melayu yang paling terkenal berurusan dengan hartawan dalam zamannya. Beliau banyak tercabang dalam buku-buku yang diabdikan pada beberapa jalan di Kampong Melayu.

Beliau terkenal bukan kerana beliau seorang hartawan, malah kerana beliau seorang tokoh masyarakat yang banyak membaurkan kebajikan untuk bangsa dan negara.

Beliau lahir dalam keluarga yang kaya-raya, dan mewarisi kekayaan dari tuanya, Haji Omar seorang Bugis dari tanah yang datang ke Singapura pada lewat 1800-an.

Beliau pernah menduduki Majlis Perundangan dan menjadi presiden kesatuan bercaorak Sosial, agama, khairat maupun umum pada 1884.

Beliau juga menjadi tulang belakang kepada penubuhan akhbar Utusan Melayu.

Haji Ambo Sooloh mempunyai sepuluh orang anak — empat daripada mereka lelaki — dari dua orang isteri. Sebahagian besar hidupnya adalah daripada hasil sewa rumah-rumahnya.

Orang kaya itu meninggal dunia di rumahnya pada 1963 ketika berusia 72 tahun, akibat sakit tua dan dikebumikan di Kubur Raja, dekat Victoria Street, tidak jauh dari kubur ayahnya.



Haji Ambo Sooloh berlagu dalam kelab dan persatuan.

# ri Times House

nampaknya Wak tak dengar lagi berita-berita angin itu, walaupun dah berpuh buah jambatan — dan panjang-panjang pulak — yang dah siap dibina di sini.

SALAH seorang pembaca menulis dalam ruangan mimbar *Berita Harian* minggu lalu mengenai perlunya meletakkan ayat-ayat al-Quran di depan pintu flat.

Menurut pembaca itu, langkah itu akan memudahkan usaha mencari rumah orang-orang Islam. Pembaca itu juga menceritakan pengalaman sahabat handai dan saudara maranya yang menghadapi kesukaran mencari rumahnya, dan terpaksa bertanya-tanya kepada penghuni-penghuni yang lain.

Apa yang dikatakan oleh penulis itu memang ada benarnya juga. Sebab, selalunya apabila seseorang "luar" hendak mencari rumah kawan atau saudaranya di sesebuah eslet perumahan, maka salah satu cara yang digunakan ialah dengan mencari pintu-pintu rumah yang mempunyai ayat-ayat al-Quran yang digantung.

Rumah itu mungkin bukan rumah yang dicari, tapi sekurang-kurangnya si penghuni diharapkan tahu atau kenal kepada orang yang sedang dicari itu.

Tapi, Wak dapat tahu, ada juga orang yang sengaja tak mahu gantung ayat-ayat suci di depan pintu rumah atas sebab-sebab agama. Pada pandangan mereka, perbuatan itu salah di sisi agama.

Tapi, ada juga penghuni yang memang sengaja tak mahu gantung ayat-ayat suci itu kerana tak mahu "diganggu". Sebahagian daripada mereka ini pernah beritahu Wak, mereka tak sanggup selalu "diganggu" oleh orang yang mengetuk pintu, terutama sekali apabila yang datang itu ialah untuk tujuan memungut derma...

TIGA orang ahli politik Argentina baru-baru ini menyarankan supaya negara itu menjual darah sebagai salah satu cara untuk membayar balik hutang negara itu yang banyak.

tinggi mutunya dan boleh dijual dengan harga yang tinggi.

Saranan ahli-ahli politik itu agak luar biasa, kerana menunjukkan tentang betapa teruknya keajaiban negara tersebut. Oleh kerana itu pulalah, Wak fikir ia tak mungkin akan diterima.

Bagaimanapun, soal orang menjual darah dengan tujuan untuk cari untung, bukanlah satu perkara yang luar biasa. Ia pernah berlaku sebelum ini.

Kita di sini boleh dikatakan beruntung kerana kejadian-kejadian seperti itu tak pernah terdapat, walaupun simpanan darah "percuma" di sini boleh dikatakan banyak.

Tujuan kita mengadakan kempen derma darah juga adalah jauh lebih murni, iaitu untuk membantu orang-orang sakit yang memerlukan bantuan darah yang boleh bermakna menyelamatkan nyawa mereka.

Wak berharap keadaan ini akan berterusan. Wak juga harap agar lebih ramai daripada rakyat kita yang akan tampil ke depan untuk mendermakan darah mereka, kecuali mungkin mereka yang "gerun" apabila melihat darah dan boleh jadi pucat lesi zta. Intipingsan apabila melihat darah mengalir keluar dari lengannya.

JAWATANKUASA Fatwa Muis telah memutuskan bahawa minuman yang bernama 'Molessi' adalah haram, walaupun pengedaranya mendakwa bahawa minuman itu tak mengandungi alkohol.

Keputusan itu disiarkan dalam majalah Muis 'Warita' keluaran terbaru. Menurut majalah itu, Jawatankuasa Fakta Muis sudah bersedia dan membuat keputusan mengenai perkara itu pada 4 Ogos 1983.

Apa yang memeningkan kepala Wak ialah kerana tunggu sampai satu tahun baru nak beritahu keputusan itu kepada orang ramai?

Wak Cantuk

## MINGGU DEPAN: corak perniagaan